

# Islam, Kristian perlu dialog

UM - 30/5/2006

Oleh RAJA LUVENA SHARIFUDDIN

Semua pihak perlu memiliki komitmen, iaitu untuk mewujudkan keamanan dan persefahaman

**ABDULLAH AHMAD BADAWI**  
Perdana Menteri

**KUALA LUMPUR** 29 Mei - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, mengadakan dialog antara dua peradaban terkemuka, iaitu Islam dan Kristian Barat amat penting bagi menentukan bentuk hubungan kedua-duanya serta manusia sejagat.

Bagaimanapun kata Perdana Menteri, sebelum berbuat demikian, semua pihak perlu memiliki sikap yang betul iaitu bersabar, sedia mendengar pandangan pihak lain dan tidak hanya menyatakan pandangannya dengan kuat.

"Semua pihak perlu memiliki komitmen, iaitu untuk mewujudkan keamanan dan persefahaman.

"Sekiranya dialog sebegini didekati dengan pemikiran tertutup dan persepsi salah, ia akan menghasilkan lebih banyak masalah," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sesi soal jawab selepas menyampaikan ucapan pada Sidang Kemuncak Media Asia 2006 di sini hari ini.

Turut hadir, Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin dan Pengarah Institut Asia Pasifik bagi Pembangunan Penyiaran (AIBD), Javad Mottaghi.

Perdana Menteri berkata, dalam dialog yang meli-

batkan kedua-dua belah pihak itu ia tidak hanya berkisar sekitar siapa yang betul tetapi bersikap toleransi terhadap satu sama lain.

Sebagai contoh, Abdullah berkata, dalam isu penyiaran karikatur Nabi Muhammad s.a.w baru-baru ini, pihak Barat tidak menyangka umat Islam akan marah.

"Walaupun isu itu dikaitkan dengan kebebasan akhbar, ia sebenarnya disebabkan satu pihak tidak memahami pihak yang lain.

"Jika kita tidak mempunyai kepercayaan yang sama, sekurang-kurangnya kita hendaklah menghormati kepercayaan pihak lain," kata Perdana Menteri.

Abdullah berkata, dalam berurusan dengan negara Islam, apa yang tidak boleh diketepikan ialah peranan agama kerana umat Islam berpegang kuat kepada agama.

Namun katanya, Islam dan Kristian mempunyai lebih banyak persamaan berbanding perbezaan dan mereka harus bergerak berdasarkan asas persamaan ini.

Beliau berkata, negara-negara Islam juga mempunyai masalah akibat perbuatan sendiri dan mereka tidak harus menuduh pihak lain sebagai punca utama masalah itu.

"Kita dikenali kerana tamadun yang tumbuh dengan hebat. Kita boleh melakukannya semula.

"Jangan anggap semua yang tidak kena dengan kita berpunca dari Barat," kata Abdullah.

Sementara itu, dalam ucapamannya Perdana Menteri menggesa semua saluran media memberikan lebih banyak liputan kepada suara kesederhanaan dan bukan yang bersifat sensasi semata-mata.

Menurut beliau, tajuk utama berita kini yang sering berkait dengan unsur kebencian dan keganasan tidak adil kerana menenggelamkan kewujudan pihak yang mahukan keamanan serta kesederhanaan.

"Saya sedar bahawa berita yang berbentuk sensasi dan konfrontasi akan menarik lebih banyak perhatian secara serta-merta.

"Namun, ia tidak adil kerana masyarakat berhak mendengar semua pandangan yang ada dan bukan hanya daripada satu pihak.

"Mereka perlu tahu bahawa ada pihak yang mahukan keamanan, kesederhanaan dan toleransi dan bukannya konflik serta keganasan sahaja," katanya.